



GARIS PANDUAN

**PELAKSANAAN *PARTICIPATORY*
OBSERVATION JABATAN PERTANIAN**

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Dalam memastikan pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan, pendekatan pelaksanaan melalui *Participatory Observation* melibatkan kerjasama antara Jabatan Pertanian dan penyedia teknologi akan terus digiatkan.
- 1.2 Melalui aktiviti ini, pemindahan dan penyesuaian teknologi pertanian kepada golongan sasaran dapat dilaksanakan dengan lebih cepat selaras dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0.
- 1.3 *Participatory Observation* (PO) adalah pemerhatian teknologi terpilih di lapangan yang dilaksanakan bersama antara Jabatan Pertanian dan penyedia teknologi (Persatuan/Pemain Industri/NGO/Institusi) di ladang petani atau Pusat/Stesen Jabatan Pertanian sebagai pengesahan keberkesanan fungsi teknologi yang ditawarkan seperti yang dinyatakan oleh penyedia teknologi sebelum ianya dihebahkan kepada golongan sasaran.
- 1.4 Sehubungan dengan itu, garis panduan ini dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian sebagai panduan kepada pegawai dan penyedia teknologi yang terlibat dalam pelaksanaan *Participatory Observation* bersama Jabatan Pertanian.

2.0 DEFINISI

2.1 *Participatory Observation*

Participatory Observation (PO) adalah pemerhatian teknologi terpilih di lapangan yang dilaksanakan bersama antara Jabatan Pertanian dan penyedia teknologi (Persatuan/Pemain Industri/NGO/Institusi) di ladang petani atau Pusat/Stesen Jabatan Pertanian sebagai pengesahan keberkesanan fungsi teknologi yang ditawarkan seperti yang dinyatakan oleh penyedia teknologi sebelum ianya dihebahkan kepada golongan sasaran.

2.2 Penyedia Teknologi

Penyedia Teknologi adalah terdiri di kalangan Pemain Industri/Persatuan/NGO /Institusi.

2.3 Teknologi Terpilih

Teknologi terpilih adalah teknologi yang telah diperakui berkesan oleh penyedia teknologi dan pengguna berdasarkan rekod dan data hasil kajian yang telah dilaksanakan di lapangan.

2.4 Jenis Teknologi

Teknologi yang boleh dilaksanakan dibawah *Participatory Observation* adalah meliputi:

- i) Input Pertanian seperti benih, baja, racun dan lain-lain
- ii) Sistem seperti sistem IoT, pengairan, pembajaan, fertigasi dan lain-lain
- iii) Mekanisasi, automasi, kejuruteraan pertanian & ICT
- iv) Pengurusan ladang / Pakej Teknologi
- v) Teknologi lepas tuai / pemprosesan / IAT
- vi) Lain-lain teknologi

Jabatan Pertanian sebagai jabatan teknikal serta peneraju dalam bidang agromakanan berperanan mengesahkan rekod dan data kajian teknologi terpilih yang telah dilaksanakan di lapangan oleh penyedia teknologi.

3.0 TATACARA PELAKSANAAN *PARTICIPATORY OBSERVATION*

- 3.1 Pelaksanaan *Participatory Observation* tidak akan menimbulkan apa-apa tanggungjawab kewangan oleh satu pihak kepada pihak yang satu lagi. Setiap pihak akan menanggung kosnya dan perbelanjaannya sendiri berkaitan dengan penyediaan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini.
- 3.2 Permohonan adalah terbuka kepada semua penyedia teknologi yang terdiri daripada pihak Persatuan / Pemain Industri / NGO / Institusi.
- 3.3 Permohonan boleh dibuat di Jabatan Pertanian Putrajaya / Jabatan Pertanian Negeri / Kuasa Usaha / Pejabat Pertanian Daerah menggunakan Borang permohonan *Participatory Observation* (PO) seperti di Lampiran 1.
- 3.4 Borang permohonan yang lengkap diisi perlu dikemukakan semula di Jabatan Pertanian Putrajaya / Jabatan Pertanian Negeri / Kuasa Usaha / Pejabat Pertanian Daerah untuk pelaksanaan.
- 3.5 Pengurus Stesen / Pengurus Pusat / Pegawai Pertanian Daerah membuat perbincangan pelaksanaan dengan Penyedia Teknologi bagi menentukan bidang, tempoh, lokasi, jadual pelaksanaan serta lain-lain yang bersesuaian dan diminitkan sebagai persetujuan bersama.
- 3.6 Aktiviti *Participatory Observation* dilaksanakan oleh penyedia teknologi di lokasi yang ditentukan mengikut jadual yang telah dipersetujui.

- 3.7 Pengurus Stesen / Pengurus Pusat / Pegawai Pertanian Daerah memantau pelaksanaan aktiviti *Participatory Observation* menggunakan Borang di Lampiran 2.
- 3.8 Perkembangan aktiviti *Participatory Observation* dilaporkan di dalam Mesyuarat Pengembangan Pertanian peringkat Daerah / Negeri / Jabatan Pertanian Putrajaya.
- 3.9 Teknologi yang telah berjaya akan diperakui melalui Mesyuarat Pengembangan Pertanian Jabatan Pertanian untuk disebarluas kepada golongan sasaran.
- 3.10 Teknologi yang tidak berjaya boleh ditambahbaik atau ditamatkan bergantung kepada perbincangan pihak yang terlibat seperti penyedia teknologi, Jabatan Pertanian dan petani. Teknologi yang dipersetujui untuk ditambahbaik perlu mengulangi semula tatacara bermula langkah 3.5 hingga 3.9. Carta Alir Pelaksanaan *Participatory Observation* adalah seperti di Lampiran 3.

4.0 PENUTUP

- 4.1 Melalui pelaksanaan *Participatory Observation*, ianya dapat mempercepatkan pemindahan dan penyesuaian teknologi pertanian mengikut keperluan setempat serta dapat meningkatkan penerimaan teknologi oleh golongan sasaran.
- 4.2 Sebarang pertanyaan lanjut berhubung *Participatory Observation* boleh berhubung terus dengan Bahagian Pengembangan Pertanian, Putrajaya di talian 03-88703439 atau Pejabat Pertanian Daerah yang terdekat.



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF AGRICULTURE MALAYSIA

Tel: 03-8870 3000/3439
Faks: 03-8870 3377

BORANG PERMOHONAN *PARTICIPATORY OBSERVATION* (PO)

JENIS TEKNOLOGI (tandakan pada kotak berkenaan)

	<p>Input Pertanian (contoh : benih, baja, racun dan lain-lain)</p> <p><i>Nyatakan Teknologi:</i></p> <p>.....</p>
	<p>Sistem (contoh : sistem IoT, pengairan, pembajaan, fertigasi dan lain-lain)</p> <p><i>Nyatakan Teknologi:</i></p> <p>.....</p>
	<p>Mekanisasi, automasi, kejuruteraan pertanian & ICT</p> <p><i>Nyatakan Teknologi:</i></p> <p>.....</p>
	<p>Pengurusan ladang / Pakej Teknologi</p> <p><i>Nyatakan Teknologi:</i></p> <p>.....</p>
	<p>Teknologi lepas tuai / pemprosesan / IAT</p> <p><i>Nyatakan Teknologi:</i></p> <p>.....</p>
	<p>Lain-lain</p> <p><i>Nyatakan Teknologi:</i></p> <p>.....</p>

Untuk Kegunaan Pejabat:

	Pejabat Ketua Pengarah Pertanian
	Bahagian
	Negeri
	Daerah
	Bahagian Teknikal

Tarikh terima:

Keputusan Mesyuarat DOA & Penyedia Teknologi bagi pelaksanaan *Participatory Observation*:
SETUJU / TIDAK SETUJU

Tarikh Pelaksanaan *Participatory Observation*:
.....

Lokasi Pelaksanaan *Participatory Observation*:

CATATAN:

1. Tulisan menggunakan **HURUF BESAR**.
2. *Participatory Observation* (PO) adalah pemerhatian teknologi terpilih di lapangan yang dilaksanakan bersama antara Jabatan Pertanian dan penyedia teknologi (Persatuan/Pemain Industri/NGO/Institusi) di ladang petani atau Pusat/Stesen Jabatan Pertanian sebagai pengesahan keberkesanan fungsi teknologi yang ditawarkan seperti yang dinyatakan oleh penyedia teknologi sebelum ianya dihebahkan kepada golongan sasaran.
3. Penyedia teknologi merujuk kepada **Persatuan/Pemain Industri/NGO/Institusi termasuk syarikat/individu**.

A. KETERANGAN PEMOHON / PENYEDIA TEKNOLOGI					
1.	Nama Pemohon / wakil Penyedia Teknologi				
2.	No. Kad Pengenalan / No. Pendaftaran Syarikat:				
3.	Nama Penyedia Teknologi (Persatuan/Pemain Industri/NGO/Institusi termasuk syarikat/individu):				
4.	Alamat Surat Menyurat:				
5.	No. Telefon (P):	6.	No. Telefon (HP):	7.	No. Faks:
8.	Email:				
B. PENGALAMAN PENYEDIA TEKNOLOGI					
1.	Pengalaman Penyedia Teknologi: Tahun bulan				
2.	Pengalaman dalam pelaksanaan teknologi. Nyatakan lokasi, pihak yang terlibat dan hasil/kesan teknologi: Sertakan rekod, data, hasil kajian dan lain-lain yang bersesuaian bagi teknologi yang telah dilaksanakan. (Sila gunakan Lampiran jika ruang tidak mencukupi)				

C. PERSETUJUAN PENYEDIA TEKNOLOGI UNTUK PELAKSANAAN *PARTICIPATORY OBSERVATION* BERSAMA JABATAN PERTANIAN

Penyedia Teknologi bersetuju menjalankan *Participatory Observation* bersama Jabatan Pertanian merangkumi perkara dinyatakan dalam (*nyatakan mesyuarat dan tarikh*)

Minit Mesyuarat

Sila tandakan [✓] pada kotak yang berkenaan.

Bersetuju menjalankan *Participatory Observation* Bersama Jabatan Pertanian mengikut terma yang dipersetujui bersama.

Tidak Bersetuju menjalankan *Participatory Observation* Bersama Jabatan Pertanian mengikut terma yang dipersetujui bersama.

D. PENGAKUAN PEMOHON

Adalah saya

No. Kad Pengenalan selaku Penyedia Teknologi / Wakil

..... mengaku bahawa semua keterangan yang diberikan di dalam borang ini adalah benar. Saya juga sedia maklum jika terdapat butir-butir yang diberikan tidak benar, **JABATAN PERTANIAN** berhak menghentikan pelaksanaan *Participatory Observation*. Saya mengaku akan mematuhi semua syarat-syarat atau peraturan dan arahan-arahan yang akan dikeluarkan atau diisytiharkan dari masa ke semasa.

.....
Tarikh

.....
Tandatangan Pemohon



BORANG LAPORAN PEMANTAUAN
PARTICIPATORY OBSERVATION (PO)



(TARIKH PELAKSANAAN DARI HINGGA)

TAJUK <i>PARTICIPATORY OBSERVATION</i>	
JENIS TEKNOLOGI	
JANGKAAN TERHADAP TEKNOLOGI (aspek produktiviti, kualiti, kos dan lain-lain bersesuaian)	
NAMA PENYEDIA TEKNOLOGI (Persatuan/Pemain Industri/NGO/Institusi Termasuk Syarikat/Individu)	
LOKASI PELAKSANAAN <i>PARTICIPATORY OBSERVATION</i>	
JENIS TANAMAN / PRODUK	
BILANGAN POKOK / KELUASAN DAN LAIN-LAIN BERSESUAIAN	

<p>JADUAL PELAKSANAAN (dalam tempoh semusim penanaman)</p>	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Tarikh</th> <th>Aktiviti</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td></tr> </tbody> </table>	Bil.	Tarikh	Aktiviti																																	
	Bil.	Tarikh	Aktiviti																																		
<p>HASIL PELAKSANAAN <i>PARTICIPATORY OBSERVATION</i> (aspek produktiviti, kualiti, kos dan lain-lain bersesuaian)</p>																																					
<p>STATUS / ISU / MASALAH / CATATAN</p>																																					
<p>ULASAN / PENGESYORAN / PENAMBAHBAIKAN</p>																																					
<p>GAMBAR</p>																																					

Lampiran 3 : Carta Alir Pelaksanaan *Participatory Observation*

